Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

KEFAHAMAN DAN KEPERCAYAAN INSTITUSI SEBAGAI PENENTU PENYERTAAN WAKAF KELUARGA DALAM KALANGAN MASYARAKAT MUSLIM DI MALAYSIA

INSTITUTIONAL UNDERSTANDING AND TRUST AS DETERMINANTS OF FAMILY WAQF PARTICIPATION AMONG THE MUSLIM COMMUNITY IN MALAYSIA

Muhammad Hamizan Ab Hamid[1*]
Mohd Afandi Mat Rani[2]

[1]Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
(Email: muhdhamizan@uitm.edu.my)
[2]Rektor, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Malaysia
(Email: mohdafandi@uitm.edu.my)

Article history
Received date : 15-9-2026
Revised date : 16-9-2026
Accepted date : 23-10-2026
Published date : 25-10-2026

To cite this document:
Ab Hamid, M. H., & Mat Rani, M. A. (2026). Kefahaman dan kepercayaan institusi sebagai penentu penyertaan wakaf keluarga dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED),* 11 (87), 698-720.

Abstrak: *Kajian ini bertujuan untuk meneliti faktor yang mempengaruhi penyertaan masyarakat Muslim dalam wakaf keluarga di Malaysia. Kajian ini memfokuskan kepada tiga elemen utama, iaitu persepsi, kefahaman, dan kepercayaan terhadap institusi wakaf. Wakaf keluarga dilihat sebagai salah satu instrumen penting dalam kewangan sosial Islam kerana berpotensi membantu menjaga kebajikan keluarga, melindungi harta antara generasi, serta menyumbang kepada kestabilan sosioekonomi masyarakat. Pelaksanaan wakaf keluarga di Malaysia masih berhadapan dengan cabaran pengurusan dan kejelasan mekanisme pelaksanaan. Sehubungan itu, kajian ini meneliti peranan faktor kognitif dan institusi dalam menjelaskan kesediaan masyarakat untuk menyertai wakaf keluarga. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan melibatkan 297 responden Muslim di Malaysia yang dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik berstruktur berskala Likert lima mata dan dianalisis menggunakan perisian SPSS melalui analisis kebolehpercayaan, Exploratory Factor Analysis (EFA) dan regresi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kefahaman dan kepercayaan institusi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penyertaan dalam wakaf keluarga. Walau bagaimanapun, persepsi didapati tidak mempunyai pengaruh yang signifikan secara langsung terhadap penyertaan. Individu yang mempunyai persepsi positif terhadap wakaf serta memahami konsep dan pelaksanaannya dengan jelas didapati lebih cenderung untuk menyertai wakaf keluarga. Kajian ini juga mendapati bahawa tahap kepercayaan terhadap institusi yang mengurus wakaf memberi kesan langsung terhadap keyakinan masyarakat untuk terlibat dalam wakaf keluarga. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa usaha meningkatkan penyertaan masyarakat dalam wakaf keluarga perlu memberi perhatian kepada aspek pendidikan,*

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

kefahaman masyarakat, dan pengukuhan tadbir urus institusi wakaf secara lebih telus dan sistematik.

Kata Kunci: *Wakaf; Keluarga; Kepercayaan Institusi; Penyertaan Masyarakat*

Abstract: *This study examines the factors influencing Muslim participation in family waqf in Malaysia, with particular emphasis on three key factors: perception, understanding, and institutional trust. Family waqfrepresents an important instrument of Islamic social finance, with the potential to safeguard family welfare, preserve wealth across generations, and contribute to the socioeconomic well-being of the wider community. The implementation of family waqf in Malaysia continues to face challenges relating to management and the clarity of implementation mechanisms. Accordingly, this study examines cognitive and institutional factors associated with readiness to participate in family waqf. This study adopts a quantitative approach using a survey involving 297 Muslim respondents in Malaysia selected through purposive sampling. Data were collected through a structured questionnaire using a five-point Likert scale and analysed using SPSS. The analyses included reliability testing, Exploratory Factor Analysis (EFA), and regression analysis. The findings show that understanding and institutional trust have a significant influence on participation in family waqf, while perception does not demonstrate a significant direct effect. Respondents with a clearer understanding of the concept and implementation of family waqfwere more likely to participate. Institutional trust was also found to play an important role, indicating that confidence in the institutions responsible for managing waqfcan encourage greater public engagement in family waqf. Overall, the findings highlight the importance of strengthening public education and understanding of family waqf, while enhancing institutional governance through greater transparency, accountability, and systematic management practices.*

Keywords: *Waqf, Family, Institutional Trust, Community Participation*

Pengenalan

Wakaf keluarga semakin mendapat perhatian sebagai salah satu instrumen penting dalam kewangan sosial Islam, khususnya dalam usaha memastikan kelangsungan manfaat harta kepada ahli keluarga secara berterusan sebelum diperluaskan kepada masyarakat umum (Maulina et al., 2023; Shaikh et al., 2022). Berbanding dengan wakaf umum, wakaf keluarga menawarkan dimensi yang lebih khusus, iaitu sebagai mekanisme perlindungan sosial dalam kalangan ahli keluarga pewakaf, di samping berfungsi sebagai alat pemeliharaan kekayaan antara generasi (intergenerational wealth preservation). Dalam konteks ini, wakaf keluarga bukan sahaja menyumbang kepada kebajikan, malah berpotensi mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi serta memperkukuh kestabilan sosioekonomi umat Islam (Ab Rahman et al., 2024; Shaikh et al., 2022).

Di Malaysia, pelaksanaan wakaf keluarga masih berhadapan dengan cabaran pengurusan dan ketelusan mekanisme pelaksanaannya. Kajian Ab Rahman et al. (2024), berdasarkan temu bual dengan institusi wakaf dan jabatan mufti di negeri terpilih, mengenal pasti ketidakcekapan pengurusan serta kekurangan mekanisme dan parameter pelaksanaan yang berkesan. Dapatan ini memberikan bukti empirikal tentang cabaran pelaksanaan wakaf keluarga, namun tidak mengukur kadar penyertaan masyarakat. Sehubungan itu, kajian ini meneliti persepsi, kefahaman dan kepercayaan terhadap institusi sebagai faktor yang berpotensi menjelaskan kesediaan masyarakat untuk menyertai wakaf keluarga.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

Dalam konteks Malaysia, pembangunan institusi wakaf terus menunjukkan perkembangan positif melalui pelbagai inisiatif yang diterajui oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) serta Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Antaranya termasuk usaha memperkukuh tadbir urus wakaf, pembangunan aset wakaf, peluasan pelaksanaan wakaf tunai, serta penyediaan Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN) 2025–2030 sebagai dokumen strategik untuk menyelaras pengurusan dan pembangunan wakaf di peringkat nasional. PIWN dijangka menjadi pemacu kepada pembangunan wakaf yang lebih sistematik, mampan dan berimpak tinggi melalui penglibatan pelbagai pihak berkepentingan. Walau bagaimanapun, di sebalik perkembangan institusi tersebut, kajian empirikal yang memberi tumpuan kepada penyertaan masyarakat dalam wakaf keluarga masih terhad, khususnya yang meneliti faktor persepsi, kefahaman dan kepercayaan terhadap institusi wakaf. Oleh itu, masih terdapat jurang pengetahuan yang perlu diterokai untuk menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan masyarakat dalam wakaf keluarga (Yayasan Waqaf Malaysia, 2024, February 26; Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 2024; Bernama, 2024, July 23).

Penyataan Masalah

Sebahagian besar kajian terdahulu menjelaskan penyertaan dalam wakaf dari sudut religiositi dan nilai moral, dengan mengandaikan bahawa kesedaran agama merupakan pemacu utama kepada penglibatan individu (Mujahidah & Rusydiana, 2023; Htay et al., 2020). Walaupun perspektif ini penting, ia dilihat agak terhad dalam menjelaskan realiti semasa yang lebih kompleks. Dalam banyak keadaan, individu tidak membuat keputusan semata-mata berdasarkan pertimbangan normatif, tetapi turut dipengaruhi oleh bagaimana mereka memahami konsep wakaf, bagaimana mereka menilai manfaatnya, serta sejauh mana mereka mempercayai institusi yang menguruskan wakaf (Kamaruddin & Hanefah, 2021).

Dalam hal ini, tiga faktor utama sering muncul sebagai elemen penting, iaitu persepsi, kefahaman, dan kepercayaan institusi. Persepsi merujuk kepada cara individu menilai kepentingan dan keberkesanan wakaf keluarga, manakala kefahaman berkait rapat dengan tahap pengetahuan mengenai konsep dan pelaksanaannya. Sementara itu, kepercayaan institusi mencerminkan keyakinan masyarakat terhadap ketelusan, akauntabiliti, dan kecekapan pengurusan wakaf. Kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat dan tingkah laku penyertaan dalam pelbagai konteks kewangan sosial Islam (Shaikh et al., 2022; Kamaruddin & Hanefah, 2021).

Walaupun pelbagai kajian telah membincangkan faktor yang mempengaruhi penyertaan masyarakat dalam wakaf, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek religiositi, kesedaran, niat dan sikap terhadap wakaf secara umum. Kajian yang memberi fokus khusus kepada wakaf keluarga masih terhad, terutamanya dalam konteks Malaysia yang mempunyai sistem tadbir urus wakaf yang unik dan berbeza mengikut negeri. Selain itu, kebanyakan kajian terdahulu meneliti persepsi, kefahaman dan kepercayaan institusi secara berasingan tanpa mengintegrasikan ketiga-tiga faktor tersebut dalam satu kerangka analisis yang komprehensif.

Di samping itu, bukti empirikal yang menguji pengaruh persepsi, kefahaman dan kepercayaan institusi terhadap penyertaan wakaf keluarga masih terhad dalam literatur semasa. Kekurangan kajian yang menggabungkan faktor kognitif dan faktor institusi secara serentak menyebabkan pemahaman terhadap mekanisme sebenar yang mendorong penyertaan masyarakat dalam wakaf keluarga masih belum menyeluruh.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

Justeru, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan membangunkan dan menguji satu model empirikal yang mengintegrasikan persepsi, kefahaman dan kepercayaan institusi dalam menjelaskan penyertaan masyarakat Muslim terhadap wakaf keluarga. Kajian ini turut menyumbang kepada literatur melalui adaptasi dimensi sikap daripada Theory of Planned Behavior yang digabungkan dengan kefahaman dan kepercayaan institusi bagi menjelaskan kesediaan menyertai wakaf keluarga.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti dinamika penyertaan wakaf keluarga dengan memberi tumpuan kepada tiga faktor utama, iaitu persepsi, kefahaman, dan kepercayaan institusi. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif bagi menguji hubungan antara faktor-faktor tersebut dengan penyertaan dalam wakaf keluarga dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia (Creswell, 2014; Hair et al., 2021).

Dari sudut sumbangan, kajian ini berusaha untuk memperluaskan perbincangan wakaf daripada pendekatan normatif yang menekankan aspek religiositi semata-mata kepada pendekatan yang lebih berstruktur berasaskan tadbir urus dan tingkah laku (Suchman, 1995). Selain itu, kajian ini menyediakan bukti empirikal yang dapat membantu institusi wakaf dan pembuat dasar merangka strategi yang lebih efektif untuk meningkatkan penyertaan masyarakat. Dengan memahami dinamika penyertaan secara lebih mendalam, usaha untuk memperkukuh kelestarian wakaf keluarga dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan berimpak tinggi (Maulina et al., 2023; Shaikh et al., 2022).

Sorotan Literatur

Konsep Wakaf Keluarga dalam Ekosistem Kewangan Sosial Islam

Wakaf keluarga atau wakaf zurri merujuk kepada satu bentuk wakaf di mana sesuatu harta diwakafkan untuk memberi manfaat kepada ahli keluarga pewakaf terlebih dahulu, sebelum manfaat tersebut diperluaskan kepada masyarakat umum. Harta tersebut tidak lagi boleh dijual atau diwariskan seperti biasa, tetapi manfaatnya terus digunakan oleh ahli keluarga dari satu generasi ke generasi seterusnya (Ab Rahman et al., 2024). Dalam konteks kewangan sosial Islam, wakaf keluarga boleh difahami sebagai satu cara untuk memastikan kebajikan dan kestabilan ekonomi keluarga dapat dipelihara dalam jangka panjang (Shaikh et al., 2022; Maulina et al., 2023).

Dari sudut sejarah, wakaf keluarga sebenarnya bukan sesuatu yang baharu. Ia telah lama diamalkan sebagai satu cara untuk menjaga kebajikan ahli keluarga dan memastikan sumber ekonomi mereka terus terjamin. Pada masa kini, peranan ini menjadi semakin penting, terutamanya apabila ramai berdepan dengan cabaran kos sara hidup dan keperluan untuk merancang kewangan dengan lebih baik (Qurrata et al., 2024; Maulina et al., 2023). Oleh itu, wakaf keluarga bukan sekadar amalan kebajikan, tetapi juga boleh dilihat sebagai satu pendekatan praktikal untuk mengukuhkan kestabilan ekonomi keluarga.

Di Malaysia, wakaf keluarga mempunyai potensi yang besar untuk membantu keluarga Muslim mencapai kestabilan kewangan jangka panjang. Namun begitu, pelaksanaan wakaf keluarga masih berhadapan dengan cabaran pengurusan serta kekurangan mekanisme dan parameter pelaksanaan yang berkesan (Ab Rahman et al., 2024). Kajian menunjukkan bahawa keadaan ini bukan hanya disebabkan oleh faktor agama semata-mata, tetapi lebih kepada bagaimana individu melihat wakaf, sejauh mana mereka memahaminya, dan tahap kepercayaan mereka terhadap institusi yang menguruskan wakaf tersebut (Mujahidah & Rusydiana, 2023;

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

Kamaruddin & Hanefah, 2021). Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada faktor-faktor utama tersebut serta bagaimana faktor-faktor ini saling berkait dalam mempengaruhi penyertaan wakaf keluarga. Secara ringkas, penyertaan masyarakat dalam wakaf keluarga dipengaruhi oleh faktor persepsi, kefahaman dan kepercayaan institusi yang bertindak sebagai faktor penentu kepada keputusan penyertaan (Maulina et al., 2023; Shaikh et al., 2022).

Persepsi sebagai Faktor Awal dalam Mendorong Penyertaan

Persepsi merujuk kepada bagaimana seseorang individu melihat dan menilai sesuatu perkara berdasarkan pengalaman dan maklumat yang mereka miliki. Dalam konteks wakaf keluarga, persepsi ini melibatkan pandangan terhadap manfaat wakaf, kemudahan pelaksanaannya, serta sejauh mana ia relevan dalam kehidupan moden. Apabila seseorang melihat wakaf sebagai sesuatu yang memberi manfaat nyata serta relevan dengan keperluan semasa, mereka akan lebih terbuka untuk menjadikannya sebagai salah satu pilihan dalam perancangan harta.

Kajian lepas menunjukkan bahawa persepsi memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi sama ada seseorang itu berminat untuk terlibat dalam wakaf atau tidak (Mujahidah & Rusydiana, 2023). Apabila seseorang melihat wakaf sebagai sesuatu yang bermanfaat dan praktikal, mereka lebih cenderung untuk mengambil langkah seterusnya ke arah penyertaan. Dalam banyak kes, persepsi ini terbentuk daripada pengalaman sendiri, pendedahan melalui media, serta maklumat yang diperoleh daripada institusi atau pihak berautoriti (Kamaruddin & Hanefah, 2021).

Selaras dengan Theory of Planned Behavior, sikap atau persepsi yang positif terhadap sesuatu amalan akan meningkatkan kecenderungan seseorang untuk melakukannya (Ajzen, 1991). Namun begitu, dalam konteks wakaf keluarga, peranan persepsi tidak terhenti setakat itu sahaja. Persepsi juga sering menjadi titik permulaan yang mendorong seseorang untuk memahami wakaf dengan lebih mendalam dan seterusnya membina kepercayaan terhadap institusi yang menguruskannya. Dengan kata lain, persepsi boleh dianggap sebagai “pintu masuk” kepada proses yang lebih luas dalam membentuk tingkah laku penyertaan.

Selain itu, kajian terkini juga menunjukkan bahawa persepsi terhadap ketelusan, kemudahan akses, dan penggunaan teknologi dalam pengurusan wakaf turut mempengaruhi tahap penerimaan masyarakat (Maulina et al., 2023; Kamaruddin & Hanefah, 2021). Dalam dunia yang semakin digital, masyarakat cenderung menilai sesuatu institusi berdasarkan sejauh mana ia mudah diakses, jelas dari segi maklumat, dan mesra pengguna. Oleh itu, persepsi bukan sahaja berkait dengan manfaat wakaf, tetapi juga dengan pengalaman pengguna terhadap sistem wakaf itu sendiri.

Sebaliknya, jika wakaf dilihat sebagai sesuatu yang rumit, tidak telus, atau kurang relevan, persepsi tersebut boleh menjadi penghalang utama kepada penyertaan. Dalam konteks Malaysia, persepsi sebegini sering berlaku apabila maklumat yang sampai kepada masyarakat tidak mencukupi atau kurang jelas (Qurrata et al., 2024). Keadaan ini menunjukkan bahawa cabaran utama bukan sekadar meningkatkan kesedaran, tetapi memastikan maklumat yang disampaikan adalah mudah difahami, jelas, dan mampu membina keyakinan masyarakat terhadap wakaf keluarga.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

Kefahaman Wakaf Keluarga dan Peranannya dalam Membentuk Keputusan

Kefahaman merujuk kepada sejauh mana seseorang individu benar-benar memahami konsep, cara pelaksanaan, dan implikasi wakaf keluarga. Ia bukan sekadar mengetahui secara umum, tetapi melibatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana wakaf berfungsi dalam kehidupan sebenar. Dalam konteks ini, kefahaman merangkumi keupayaan untuk membezakan antara wakaf, hibah, dan wasiyyah, memahami proses penubuhan serta pengurusan wakaf, serta menyedari manfaat jangka panjang yang boleh dinikmati oleh ahli keluarga dan masyarakat secara keseluruhan. Oleh itu, kefahaman membantu seseorang melihat wakaf bukan sebagai konsep teori semata-mata, tetapi sebagai pilihan praktikal dalam perancangan harta.

Kajian menunjukkan bahawa kekurangan kefahaman merupakan antara sebab utama mengapa ramai masih belum terlibat dalam wakaf (Kamaruddin & Hanefah, 2021; Maulina et al., 2023). Apabila seseorang tidak jelas tentang sesuatu perkara, mereka cenderung untuk mengelakkannya kerana wujud rasa ragu-ragu dan ketidakpastian. Dalam banyak kes, individu bimbang tentang aspek pengurusan, hak milik, dan kesan jangka panjang wakaf terhadap keluarga mereka (Mujahidah & Rusydiana, 2023; Kamaruddin & Hanefah, 2021). Sebaliknya, apabila seseorang mempunyai kefahaman yang baik, mereka lebih yakin untuk membuat keputusan kerana mereka memahami bukan sahaja manfaat wakaf, tetapi juga proses dan implikasinya secara menyeluruh.

Selain itu, kajian terkini turut menunjukkan bahawa kefahaman yang baik sering dikaitkan dengan tahap literasi kewangan Islam yang lebih tinggi, khususnya dalam aspek perancangan harta dan instrumen kewangan sosial (Kamaruddin & Hanefah, 2021). Ini menunjukkan bahawa kefahaman tidak berlaku secara sendiri, tetapi dipengaruhi oleh tahap pendedahan, pendidikan, serta akses kepada maklumat yang jelas dan mudah difahami. Dalam konteks semasa, penggunaan teknologi dan platform digital juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kefahaman masyarakat tentang wakaf, terutamanya dalam menyampaikan maklumat secara lebih sistematik dan mesra pengguna (Maulina et al., 2023).

Kepercayaan Institusi sebagai Asas kepada Penyertaan

Kepercayaan institusi merujuk kepada tahap keyakinan masyarakat terhadap pihak yang menguruskan wakaf. Dalam konteks wakaf keluarga, ia melibatkan sejauh mana masyarakat percaya bahawa institusi seperti Majlis Agama Islam Negeri mampu mengurus wakaf dengan baik, telus, dan amanah. Apabila seseorang menyerahkan harta untuk wakaf, terutamanya dalam jangka masa panjang, mereka perlu yakin bahawa harta tersebut akan diurus dengan betul dan memberi manfaat seperti yang diharapkan. Oleh sebab itu, kepercayaan merupakan faktor yang sangat penting dalam menentukan sama ada seseorang bersedia untuk menyertai wakaf atau tidak (Kamaruddin & Hanefah, 2021).

Dari sudut teori, kepercayaan ini berkait rapat dengan konsep legitimasi, iaitu sejauh mana sesebuah institusi dilihat berfungsi dengan baik dan selari dengan nilai serta jangkaan masyarakat (Suchman, 1995). Dalam konteks wakaf, kepercayaan tidak hanya bergantung pada faktor agama semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh sejauh mana institusi menunjukkan kecekapan, ketelusan, dan profesionalisme dalam pengurusan. Ini termasuk aspek seperti pelaporan yang jelas, pengurusan aset yang teratur, serta keupayaan untuk menunjukkan impak wakaf kepada masyarakat (Kamaruddin & Hanefah, 2021).

Selain itu, dalam persekitaran semasa yang semakin dipengaruhi oleh teknologi, masyarakat juga cenderung menilai kepercayaan berdasarkan tahap keterbukaan dan kemudahan akses

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

kepada maklumat. Institusi yang menggunakan platform digital untuk berkongsi maklumat, laporan, dan perkembangan wakaf secara telus dilihat lebih dipercayai berbanding institusi yang kurang memberikan maklumat (Maulina et al., 2023; Kamaruddin & Hanefah, 2021). Ini menunjukkan bahawa kepercayaan hari ini bukan sahaja dibina melalui reputasi, tetapi juga melalui pengalaman dan interaksi pengguna dengan sistem wakaf itu sendiri.

Sebaliknya, jika berlaku isu seperti kurang ketelusan, kelemahan dalam pengurusan, atau kekurangan maklumat, kepercayaan masyarakat boleh terjejas dengan mudah. Keadaan ini akan memberi kesan langsung kepada penyertaan, walaupun individu mungkin mempunyai persepsi yang positif dan kefahaman yang baik tentang wakaf. Ini menunjukkan bahawa kepercayaan boleh menjadi faktor penentu yang menguatkan atau melemahkan kesan faktor-faktor lain dalam model kajian ini (Kamaruddin & Hanefah, 2021).

Dalam konteks yang lebih luas, kepercayaan institusi juga tidak terbentuk secara sendiri, tetapi dipengaruhi oleh persepsi dan kefahaman individu. Maksudnya, apabila seseorang melihat wakaf secara positif dan memahami dengan jelas bagaimana ia berfungsi, mereka lebih cenderung untuk mempercayai institusi yang menguruskannya. Ini menunjukkan bahawa penyertaan wakaf keluarga sebenarnya dipengaruhi oleh hubungan yang saling berkait antara faktor kognitif dan institusi, yang bersama-sama membentuk keputusan penyertaan secara menyeluruh (Maulina et al., 2023; Shaikh et al., 2022).

Interaksi Faktor dalam Penyertaan Wakaf Keluarga

Persepsi, kefahaman dan kepercayaan institusi merupakan tiga faktor penting yang sering dikaitkan dengan penyertaan masyarakat dalam wakaf keluarga. Ketiga-tiga faktor ini telah dikenal pasti dalam kajian terdahulu sebagai pemboleh ubah yang mempengaruhi kecenderungan individu untuk menyertai instrumen kewangan sosial Islam.

Jadual 1: Sorotan Literatur Berkaitan Penyertaan Wakaf

Penulis	Fokus Kajian	Dapatan Utama	Jurang Kajian
Htay et al. (2020)	Penghayatan nilai agama dan niat penyertaan wakaf	Penghayatan nilai agama dan sikap mempengaruhi niat penyertaan wakaf	Tidak meneliti wakaf keluarga secara khusus serta tidak memasukkan faktor institusi
Kamaruddin & Hanefah, 2021	Kepercayaan dan tadbir urus institusi wakaf	Kepercayaan terhadap institusi meningkatkan keyakinan masyarakat	Tidak mengintegrasikan faktor kefahaman dan persepsi dalam satu model
Mujahidah & Rusydiana, 2023	Persepsi dan niat tingkah laku terhadap wakaf	Persepsi positif meningkatkan kecenderungan penyertaan	Tidak memberi tumpuan kepada wakaf keluarga dan faktor institusi
Shaikh et al. (2022)	Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi dan sosial	Wakaf berpotensi meningkatkan kesejahteraan dan perlindungan sosial	Kurang bukti empirikal berkaitan tingkah laku penyertaan individu
Maulina et al. (2023)	Integrasi kewangan sosial Islam dan literasi masyarakat	Literasi dan kefahaman meningkatkan penerimaan instrumen kewangan sosial Islam	Tidak menguji hubungan langsung dengan penyertaan wakaf keluarga

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

Mujahidah dan Rusydiana (2023)	Persepsi generasi muda terhadap wakaf tunai	Persepsi mempengaruhi niat untuk berwakaf	Kajian terhad kepada wakaf tunai dan konteks Indonesia
Qurrata et al., 2024	Kesedaran dan persepsi masyarakat terhadap wakaf	Kekurangan maklumat menjejaskan penyertaan masyarakat	Tidak mengkaji hubungan antara persepsi, kefahaman dan kepercayaan
Ab Rahman et al. (2024)	Cadangan model wakaf sementara bagi pelaksanaan wakaf keluarga di Malaysia melalui kajian kualitatif dan temu bual institusi	Mengenal pasti cabaran pengurusan serta kekurangan mekanisme dan parameter pelaksanaan wakaf keluarga	Tidak menguji secara kuantitatif hubungan persepsi, kefahaman dan kepercayaan institusi dengan kesediaan penyertaan individu
Ahmad Sanusi et al. (2025)	Pelaksanaan dan amalan perakaunan wakaf zurri di Malaysia melalui temu bual dan analisis kandungan melibatkan 18 informan	Mengenal pasti kekurangan pendedahan data wakaf zurri dalam laporan kewangan serta keperluan penyeragaman amalan perakaunan	Tidak menguji hubungan statistik antara persepsi, kefahaman dan kepercayaan institusi dengan kesediaan penyertaan individu
Kajian Semasa	Penyertaan wakaf keluarga di Malaysia	Mengintegrasikan persepsi, kefahaman dan kepercayaan institusi dalam satu model	Mengintegrasikan persepsi, kefahaman dan kepercayaan institusi dalam menjelaskan penyertaan wakaf keluarga

Kajian terdahulu memberikan asas untuk memahami wakaf, namun perbezaan jenis wakaf, konteks dan pendekatan kajian perlu diambil kira. Dapatan berkaitan niat menyertai wakaf tunai tidak semestinya dapat diterapkan secara langsung kepada wakaf keluarga yang melibatkan manfaat kepada keturunan dan pengurusan harta antara generasi. Sementara itu, kajian kualitatif Ab Rahman et al. (2024) mengenal pasti cabaran pengurusan dan mekanisme pelaksanaan wakaf keluarga, tetapi tidak menguji hubungan statistik antara faktor individu dengan kesediaan penyertaan. Oleh itu, kajian ini melengkapkan perbincangan tersebut dengan menguji hubungan persepsi, kefahaman dan kepercayaan institusi dengan kesediaan menyertai wakaf keluarga dalam sampel yang dikaji.

Kerangka Teori Kajian

Kajian ini berasaskan dua kerangka teori utama, iaitu Theory of Planned Behavior (TPB) yang diperkenalkan oleh Ajzen (1991) dan Teori Kepercayaan Institusi (Institutional Trust Theory) yang diperkenalkan oleh Suchman (1995). Gabungan kedua-dua teori ini digunakan bagi menjelaskan bagaimana faktor kognitif dan institusi mempengaruhi penyertaan masyarakat dalam wakaf keluarga.

Theory of Planned Behavior (TPB) menjelaskan bahawa niat seseorang individu dibentuk oleh sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dirasakan (Ajzen, 1991). Kajian ini mengadaptasi dimensi sikap daripada TPB melalui konstruk persepsi, yang merangkumi

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

penilaian terhadap manfaat, kepentingan dan kerelevanan wakaf keluarga. Adaptasi ini digabungkan dengan konstruk kefahaman dan kepercayaan terhadap institusi untuk menjelaskan kesediaan untuk menyertai wakaf keluarga. Oleh sebab norma subjektif dan kawalan tingkah laku yang dirasakan tidak diukur, kajian ini tidak menguji keseluruhan model TPB.

Walau bagaimanapun, penyertaan dalam wakaf keluarga tidak hanya bergantung kepada faktor individu semata-mata. Sebagai satu instrumen kewangan sosial Islam yang melibatkan pengurusan aset dalam jangka masa panjang, tahap kepercayaan terhadap institusi yang menguruskan wakaf turut memainkan peranan penting. Oleh itu, Teori Kepercayaan Institusi digunakan untuk menjelaskan bagaimana legitimasi, ketelusan, akauntabiliti dan profesionalisme institusi mempengaruhi keyakinan masyarakat untuk terlibat dalam wakaf keluarga. Menurut Suchman (1995), sesebuah institusi akan memperoleh sokongan masyarakat apabila institusi tersebut dilihat beroperasi secara sah, berkesan dan selaras dengan nilai serta jangkaan masyarakat.

Berdasarkan adaptasi dimensi sikap daripada TPB dan perspektif kepercayaan institusi, kajian ini mencadangkan bahawa persepsi, kefahaman dan kepercayaan institusi mempunyai pengaruh langsung terhadap kesediaan menyertai wakaf keluarga. Ketiga-tiga faktor ini diuji sebagai pemboleh ubah bebas bagi menggabungkan faktor kognitif dan institusi dalam menjelaskan kesediaan penyertaan.

Hipotesis Kajian

Berdasarkan perbincangan literatur sebelum ini, penyertaan dalam wakaf keluarga tidak berlaku secara kebetulan, tetapi dipengaruhi oleh beberapa faktor utama yang saling berkait. Keputusan seseorang untuk menyertai wakaf banyak bergantung kepada bagaimana mereka melihat wakaf, sejauh mana mereka memahaminya, dan tahap kepercayaan mereka terhadap institusi yang menguruskan wakaf tersebut (Maulina et al., 2023; Shaikh et al., 2022). Oleh itu, kajian ini membangunkan beberapa hipotesis bagi menguji bagaimana persepsi, kefahaman, dan kepercayaan institusi mempengaruhi penyertaan dalam wakaf keluarga dalam kalangan komuniti Muslim di Malaysia.

Persepsi dan Penyertaan Wakaf Keluarga

Persepsi memainkan peranan penting sebagai titik permulaan dalam membentuk kecenderungan seseorang untuk terlibat dalam wakaf keluarga. Apabila seseorang melihat wakaf sebagai sesuatu yang bermanfaat, relevan, dan mudah dilaksanakan, mereka biasanya lebih terbuka untuk menyertainya (Mujahidah & Rusydiana, 2023).

Sebaliknya, jika wakaf dilihat sebagai sesuatu yang rumit atau kurang jelas, kecenderungan untuk terlibat akan menjadi lebih rendah. Ini menunjukkan bahawa cara seseorang melihat wakaf sangat mempengaruhi keputusan mereka, selaras dengan Theory of Planned Behavior yang menekankan peranan sikap dalam membentuk tingkah laku (Ajzen, 1991).

H1: Persepsi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penyertaan dalam wakaf keluarga.

Kefahaman dan Penyertaan Wakaf Keluarga

Kefahaman yang baik tentang wakaf keluarga membantu seseorang membuat keputusan dengan lebih yakin. Apabila individu memahami bagaimana wakaf berfungsi, bagaimana ia

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

diurus, dan apa manfaatnya, mereka lebih cenderung untuk melihat wakaf sebagai sesuatu yang jelas dan tidak berisiko (Kamaruddin & Hanefah, 2021; Maulina et al., 2023).

Sebaliknya, kekurangan kefahaman boleh menyebabkan rasa ragu-ragu dan akhirnya menghalang penyertaan. Dalam banyak kes, individu yang kurang memahami wakaf cenderung untuk mengelakkannya kerana bimbang terhadap ketidakpastian dalam pengurusan dan implikasi jangka panjang (Kamaruddin & Hanefah, 2021).

H2: Kefahaman mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penyertaan dalam wakaf keluarga.

Kepercayaan Institusi dan Penyertaan Wakaf Keluarga

Selain faktor individu, kepercayaan terhadap institusi juga memainkan peranan yang sangat penting. Dalam konteks wakaf keluarga, seseorang perlu yakin bahawa pihak yang mengurus wakaf mampu melaksanakan amanah dengan baik, telus, dan profesional (Kamaruddin & Hanefah, 2021).

Apabila tahap kepercayaan tinggi, individu lebih selesa untuk menyertai wakaf kerana mereka yakin harta tersebut akan diurus dengan betul. Sebaliknya, jika kepercayaan rendah, mereka mungkin akan memilih untuk tidak terlibat. Ini menunjukkan bahawa kepercayaan institusi menjadi faktor penting dalam membentuk keputusan penyertaan (Ab Rahman et al., 2024).

H3: Kepercayaan institusi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penyertaan dalam wakaf keluarga.

Metodologi Penulisan

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan bagi mengumpul data daripada responden. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk mengukur persepsi, kefahaman, dan kepercayaan responden secara sistematik menggunakan instrumen berstruktur. Selain itu, kaedah tinjauan membolehkan pengumpulan data dalam skala yang lebih besar serta sesuai untuk analisis statistik seperti regresi dan analisis faktor. Dalam kajian ini, pendekatan kuantitatif digunakan untuk menguji hubungan antara pemboleh ubah secara empirikal (Creswell, 2014; Hair et al., 2021). Walau bagaimanapun, penggunaan persampelan bertujuan mengehadkan generalisasi dapatan kepada keseluruhan populasi masyarakat Muslim di Malaysia.

Sampel Kajian

Responden kajian terdiri daripada masyarakat Muslim di Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas. Pemilihan responden menggunakan kaedah persampelan bertujuan melalui edaran soal selidik kepada kumpulan sasaran yang berkaitan dengan wakaf dan kewangan Islam. Pemilihan kumpulan sasaran ini bertujuan mendapatkan responden yang berpotensi mempunyai pendedahan awal terhadap wakaf, namun tidak mengesahkan tahap pengetahuan asas setiap responden secara individu. Data dikumpulkan melalui soal selidik dalam talian menggunakan Google Form yang diedarkan menerusi platform media sosial dan rangkaian komuniti berkaitan wakaf serta kewangan Islam. Proses pengumpulan data dijalankan dalam tempoh tiga bulan, iaitu dari Januari hingga Mac 2026. Sebelum menjawab soal selidik, responden dimaklumkan bahawa penyertaan adalah secara sukarela dan semua maklumat yang diberikan adalah sulit serta hanya digunakan untuk tujuan akademik.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

Kriteria kemasukan responden ialah individu beragama Islam, warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas. Individu yang bukan beragama Islam, bukan warganegara Malaysia atau berumur bawah 18 tahun tidak memenuhi kriteria penyertaan kajian. Dari segi tempat tinggal, responden paling ramai berasal dari Selangor, iaitu 140 orang (47.1%), diikuti Johor seramai 30 orang (10.1%), Kedah 24 orang (8.1%) dan Perak 22 orang (7.4%). Baki 81 responden (27.3%) menetap di negeri-negeri lain dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Taburan ini menunjukkan penumpuan sampel di Selangor dan tidak boleh dianggap mewakili taburan keseluruhan masyarakat Muslim di Malaysia.

Soal selidik diedarkan kepada 300 individu dalam kumpulan sasaran. Sebanyak 297 respons diterima, menjadikan kadar respons sebanyak 99.0%. Responden dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Semua item soal selidik ditetapkan sebagai wajib dijawab bagi mengelakkan data tidak lengkap. Tetapan "Limit to 1 response" dalam Google Forms turut digunakan untuk mengehadkan penghantaran kepada satu respons bagi setiap akaun. Kesemua 297 respons yang diterima digunakan dalam analisis tanpa sebarang respons digugurkan. Tiada data hilang bagi item yang dianalisis, maka penggantian nilai hilang tidak diperlukan.

Kaedah ini digunakan bagi memastikan responden yang dipilih mempunyai latar belakang yang relevan dengan kajian, khususnya dari segi kefahaman dan pendedahan kepada konsep wakaf keluarga. Saiz sampel sebanyak 297 responden dianggap mencukupi untuk analisis statistik seperti Exploratory Factor Analysis (EFA) dan regresi. Secara umum, analisis faktor memerlukan sekurang-kurangnya 200 responden untuk menghasilkan keputusan yang stabil, manakala saiz sampel yang lebih besar memberikan anggaran yang lebih tepat dan boleh dipercayai (Hair et al., 2021).

Walaupun saiz sampel yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) ialah 384 responden, jumlah 297 responden masih dianggap memadai untuk tujuan analisis EFA dan regresi kerana melebihi jumlah minimum yang disyorkan oleh Hair et al. (2021). Oleh itu, penggunaan 297 responden dalam kajian ini adalah sesuai dan memenuhi keperluan analisis, di samping meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian. Dari segi komposisi sampel, 56.9% responden berumur antara 18 dan 25 tahun, manakala 46.5% merupakan pelajar. Oleh itu, dapatan kajian ini lebih mencerminkan pandangan responden dalam sampel yang didominasi oleh golongan muda dan tidak boleh dianggap mewakili komposisi keseluruhan masyarakat Muslim di Malaysia. Batasan ini perlu diambil kira dalam mentafsir dapatan kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian dibangunkan dalam bentuk soal selidik berstruktur menggunakan skala Likert lima mata, iaitu daripada 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju). Penggunaan skala Likert dipilih kerana ia sesuai digunakan dalam kajian sains sosial untuk mengukur persepsi, sikap, tahap kefahaman dan kecenderungan tingkah laku responden secara sistematik dan kuantitatif (Likert, 1932; Sekaran & Bougie, 2016).

Soal selidik ini mengandungi empat konstruk utama, iaitu persepsi, kefahaman, kepercayaan institusi dan penyertaan dalam wakaf keluarga. Item soal selidik dibina berdasarkan perbincangan konsep dalam kajian terdahulu berkaitan wakaf, kewangan sosial Islam dan tingkah laku penyertaan masyarakat. Item soal selidik dibina terus dalam bahasa Melayu berdasarkan konsep dan konstruk yang dibincangkan dalam kajian terdahulu, dengan mengambil kira konteks wakaf keluarga di Malaysia. Pembinaan item tidak melibatkan

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

terjemahan langsung daripada instrumen bahasa Inggeris. Struktur ayat dan istilah kemudiannya diperhalusi melalui semakan pakar serta praujian bagi memastikan pernyataan jelas dan mudah difahami oleh responden.
Soal selidik telah disemak oleh tiga orang pakar, iaitu Dr. Faezy Adenan, Dr. Muhammad Syahrul Deen Ahmad Rosli dan Dr. Mohd Ridhuwan Remly. Semakan dilaksanakan secara kualitatif melalui komen dan cadangan penambahbaikan terhadap kandungan, struktur ayat, kejelasan bahasa, serta kesesuaian item dengan konstruk kajian. Maklum balas tersebut digunakan untuk memurnikan soal selidik sebelum diedarkan. Semakan ini tidak melibatkan pemberian skor penilaian item atau pengiraan Content Validity Index (CVI) dan Content Validity Ratio (CVR).

Berdasarkan keputusan Exploratory Factor Analysis (EFA) yang dilaporkan, sebanyak tiga item bagi setiap konstruk dikekalkan untuk analisis seterusnya. Keseluruhannya, 12 item dikekalkan bagi mengukur persepsi, kefahaman, kepercayaan institusi dan penyertaan wakaf keluarga. Nilai muatan faktor bagi item yang dikekalkan berada antara 0.525 hingga 0.712. Jadual 2 menunjukkan kod item dan nilai muatan faktor yang dilaporkan.

Oleh itu, item-item yang bermasalah telah dikeluarkan bagi meningkatkan kejelasan konstruk, konsistensi dalaman serta kualiti keseluruhan instrumen kajian. Proses pemurnian item ini merupakan amalan yang lazim dalam kajian berbentuk eksploratori, khususnya pada peringkat awal pembangunan dan pengesahan instrumen (Hair et al., 2021). Selepas proses pemurnian dilakukan, hanya item yang mencapai tahap loading yang memuaskan dan menunjukkan kesesuaian konsep dikekalkan untuk analisis seterusnya.

Jadual 2: Konstruk dan Item yang Dikekalkan

Konstruk	Kod item	Muatan faktor
Persepsi	PS1	0.574
	PS2	0.646
	PS3	0.706
Kefahaman	KF1	0.525
	KF2	0.642
	KF3	0.688
Kepercayaan institusi	KI1	0.601
	KI2	0.655
	KI3	0.712
Penyertaan wakaf keluarga	PW1	0.589
	PW2	0.634
	PW3	0.701

Semua item yang dikekalkan menunjukkan muatan faktor melebihi 0.50. Nilai Cronbach's alpha bagi konstruk persepsi, kefahaman, kepercayaan institusi dan penyertaan masing-masing ialah 0.821, 0.834, 0.857 dan 0.846, menunjukkan konsistensi dalaman yang memuaskan.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

Jadual 3: Operasionalisasi Konstruk Kajian

Konstruk	Definisi Operasional	Kod Item	Bilangan Item	Rujukan Pembinaan Item
Persepsi	Penilaian individu terhadap manfaat, kerelevanan dan kepentingan wakaf keluarga sebagai instrumen perancangan harta dan kebajikan keluarga	PS1–PS3	3	Mujahidah & Rusydiana, (2023)
Kefahaman	Tahap pengetahuan dan pemahaman individu mengenai konsep, prosedur, manfaat dan pelaksanaan wakaf keluarga	KF1–KF3	3	Kamaruddin & Hanefah, 2021; Maulina et al. (2023)
Kepercayaan Institusi	Tahap keyakinan individu terhadap ketelusan, akauntabiliti, kecekapan dan profesionalisme institusi yang menguruskan wakaf	KI1–KI3	3	Kamaruddin & Hanefah, 2021; Ab Rahman et al., 2024.
Penyertaan Wakaf Keluarga	Kesediaan dan kecenderungan individu untuk menyertai atau terlibat dalam pelaksanaan wakaf keluarga	PW1–PW3	3	Ab Rahman et al., 2024

Jadual 3 menunjukkan operasionalisasi konstruk yang digunakan dalam kajian ini. Item bagi setiap konstruk dibina dalam bahasa Melayu dengan merujuk perbincangan konsep dalam kajian terdahulu berkaitan wakaf, kewangan sosial Islam dan tingkah laku penyertaan masyarakat. Kesesuaian kandungan, bahasa dan konteks item diteliti melalui semakan kualitatif oleh tiga orang pakar, diikuti praujian kepada dua orang peserta bagi menilai kejelasan pernyataan dan arahan soal selidik.

Jadual 4: Ringkasan Analisis Data dan Objektif Kajian

Objektif Kajian	Hipotesis Berkaitan	Kaedah Analisis
Mengenal pasti hubungan antara persepsi dan penyertaan wakaf keluarga	H1	Regresi
Mengenal pasti hubungan antara kefahaman dan penyertaan wakaf keluarga	H2	Regresi
Mengenal pasti hubungan antara kepercayaan institusi dan penyertaan wakaf keluarga	H3	Regresi

Analisis Data

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian SPSS. Analisis dijalankan secara berperingkat bagi memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Pendekatan analisis menggunakan EFA dan regresi dipilih berdasarkan sifat penerokaan kajian ini yang bertujuan mengenal pasti struktur asas konstruk serta menguji hubungan langsung antara pemboleh ubah. Dalam konteks ini, penggunaan regresi adalah memadai untuk menjelaskan hubungan antara pemboleh ubah secara empirikal tanpa memerlukan pemodelan struktur yang lebih kompleks.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

Walaupun teknik seperti Structural Equation Modeling (SEM) menawarkan keupayaan analisis yang lebih menyeluruh, pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah bersesuaian dengan objektif kajian serta tahap pembangunan instrumen. Selain itu, penggunaan EFA sebagai langkah awal adalah penting bagi memastikan kesahan konstruk sebelum analisis lanjutan dijalankan (Hair et al., 2021). Pendekatan ini juga selari dengan kajian-kajian terdahulu dalam bidang kewangan sosial Islam yang menggunakan regresi bagi menguji hubungan tingkah laku penyertaan dalam peringkat penerokaan.

Pertama, analisis kebolehpercayaan (reliability analysis) dijalankan menggunakan pekali Cronbach's Alpha untuk menilai konsistensi dalaman item bagi setiap konstruk. Nilai alpha yang melebihi 0.70 dianggap memuaskan dan menunjukkan bahawa instrumen adalah boleh dipercayai (Nunnally, 1978).

Kedua, Exploratory Factor Analysis (EFA) dijalankan untuk mengenal pasti struktur faktor bagi item-item yang digunakan dalam kajian. EFA membantu mengesahkan sama ada item yang dibangunkan benar-benar mengukur konstruk yang sepatutnya, di samping mengurangkan item kepada faktor yang lebih bermakna (Hair et al., 2021).
Ketiga, analisis regresi digunakan untuk menguji hubungan antara pemboleh ubah bebas (persepsi, kefahaman, dan kepercayaan institusi) dengan pemboleh ubah bersandar, iaitu penyertaan dalam wakaf keluarga. Analisis ini membolehkan kajian menilai kekuatan dan arah hubungan antara pemboleh ubah yang diuji.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian, beberapa ujian telah dijalankan termasuk analisis kesesuaian sampel, kesahan konstruk, dan kebolehpercayaan dalaman. Pertama, kesesuaian data untuk analisis faktor dinilai menggunakan Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) dan Bartlett's Test of Sphericity. Nilai KMO yang melebihi 0.70 menunjukkan bahawa data adalah mencukupi untuk analisis faktor, manakala keputusan Bartlett yang signifikan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang mencukupi antara item untuk membentuk struktur faktor (Kaiser, 1974; Hair et al., 2021).

Kedua, kesahan konstruk dinilai melalui nilai factor loading yang diperoleh daripada analisis EFA. Nilai factor loading yang melebihi 0.50 dianggap memuaskan dan menunjukkan bahawa item tersebut mempunyai hubungan yang kuat dengan konstruk yang diukur (Hair et al., 2021).

Ketiga, kebolehpercayaan instrumen dinilai menggunakan pekali Cronbach's Alpha. Nilai alpha yang melebihi 0.70 menunjukkan tahap konsistensi dalaman yang baik dan instrumen dianggap boleh dipercayai (Nunnally, 1978). Secara keseluruhannya, keputusan analisis menunjukkan bahawa instrumen kajian mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang memuaskan untuk digunakan dalam analisis seterusnya.

Dapatan Kajian

Profil Responden

Kajian ini melibatkan seramai 297 responden Muslim di Malaysia yang dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Pemilihan responden dibuat berdasarkan kriteria bahawa mereka berumur 18 tahun ke atas serta mempunyai sekurang-kurangnya pengetahuan asas berkaitan wakaf atau perancangan harta Islam. Pendekatan ini digunakan bagi memastikan

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

responden mempunyai tahap pendedahan yang relevan terhadap isu wakaf keluarga yang dikaji. Jadual 5 menunjukkan ringkasan profil demografi responden yang terlibat dalam kajian ini.

Jadual 5: Profil Demografi Responden (N = 297)

Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	128	43.1
	Perempuan	169	56.9
Umur	18–25 tahun	169	56.9
	26–35 tahun	64	21.5
	36–45 tahun	40	13.5
	46 tahun ke atas	24	8.1
Pendidikan	Menengah dan ke bawah	122	41.1
	Diploma/STPM	46	15.5
	Ijazah Sarjana Muda	107	36.0
	Pascasiswazah	22	7.4
Pekerjaan	Pelajar	138	46.5
	Sektor Swasta	110	37.0
	Sektor Awam	25	8.4
	Bekerja Sendiri/Pesara	24	8.1

Secara keseluruhannya, majoriti responden terdiri daripada perempuan (56.9%), berumur antara 18 hingga 25 tahun (56.9%), serta mempunyai kelayakan pendidikan di peringkat ijazah sarjana muda. Dari sudut pekerjaan, hampir separuh daripada responden merupakan pelajar, diikuti oleh responden yang bekerja dalam sektor swasta. Profil ini menunjukkan bahawa kajian berjaya memperoleh maklum balas daripada kumpulan masyarakat yang mempunyai pendedahan terhadap isu wakaf dan perancangan harta Islam, sekali gus sesuai dengan objektif kajian yang dijalankan.

Jadual 6: Taburan Responden Mengikut Negeri dan Wilayah Persekutuan

Negeri/Wilayah Persekutuan	Bilangan responden	Peratus (%)
Selangor	140	47.1
Johor	30	10.1
Kedah	24	8.1
Perak	22	7.4
Terengganu	16	5.4
Negeri Sembilan	13	4.4
Pahang	12	4.0
Sarawak	12	4.0
W.P. Kuala Lumpur	10	3.4
Kelantan	6	2.0
Melaka	5	1.7
Sabah	3	1.0
Perlis	2	0.7
Pulau Pinang	2	0.7
Jumlah	**297**	**100.0**

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

Jadual 6 menunjukkan bahawa hampir separuh responden menetap di Selangor, iaitu 140 orang (47.1%), diikuti Johor (10.1%), Kedah (8.1%) dan Perak (7.4%). Taburan ini menunjukkan penumpuan sampel di Selangor. Oleh itu, dapatan kajian perlu ditafsirkan dengan mengambil kira ketidakseimbangan taburan geografi responden dan tidak dianggap mewakili keseluruhan masyarakat Muslim di Malaysia.

Ujian Kecukupan Persampelan (KMO)

Bagi memastikan data yang dikumpul sesuai untuk analisis faktor, ujian *Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)* dan *Bartlett's Test of Sphericity* telah dijalankan. Keputusan ujian ini ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 7: Keputusan Ujian KMO dan Bartlett's Test

Measure	Value	Interpretation
KMO	0.950	Excellent
Bartlett's Test	$p < 0.001$	Significant

Keputusan menunjukkan nilai KMO adalah 0.950, yang berada pada tahap sangat tinggi dan menunjukkan bahawa sampel yang digunakan adalah mencukupi untuk menjalankan analisis faktor. Nilai ini memberi gambaran bahawa data yang dikumpul mempunyai hubungan yang cukup kuat antara item untuk membentuk struktur faktor yang jelas.

Selain itu, keputusan *Bartlett's Test* adalah signifikan ($p < 0.001$), yang bermaksud terdapat hubungan yang signifikan antara item-item dalam kajian ini. Ini menunjukkan bahawa data tidak bersifat rawak dan sesuai untuk dianalisis menggunakan kaedah *Exploratory Factor Analysis (EFA)*. Secara keseluruhannya, kedua-dua keputusan ini mengesahkan bahawa data kajian adalah sesuai dan kukuh untuk analisis faktor seterusnya.

Analisis Faktor Eksploratori

Analisis Faktor Eksploratori (EFA) dijalankan untuk mengenal pasti struktur asas faktor bagi item-item yang digunakan dalam kajian ini serta menilai sama ada item yang dibangunkan benar-benar mewakili konstruk yang sepatutnya diukur. Penggunaan EFA amat sesuai dalam kajian berbentuk eksploratori kerana ia membantu proses pemurnian item dan pengesahan konstruk sebelum analisis inferensi dijalankan dengan lebih lanjut (Hair et al., 2021).

Sebelum analisis EFA dijalankan, ujian kesesuaian sampel dan hubungan antara item telah dilakukan terlebih dahulu. Keputusan Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) menunjukkan nilai yang melebihi tahap minimum yang disarankan, manakala Bartlett's Test of Sphericity pula mencatat keputusan yang signifikan. Keadaan ini menunjukkan bahawa data kajian mempunyai hubungan yang mencukupi antara item dan sesuai untuk dianalisis menggunakan kaedah EFA.

Semasa proses EFA dijalankan, beberapa item telah dikeluarkan daripada analisis kerana tidak mencapai nilai factor loading minimum 0.50 atau menunjukkan masalah pertindihan loading antara beberapa konstruk. Pengeluaran item-item tersebut penting bagi memastikan item yang dikekalkan mempunyai kekuatan hubungan yang lebih jelas dengan konstruk masing-masing serta meningkatkan kejelasan dimensi pengukuran.

Selepas proses pemurnian item dilakukan, item-item yang dikekalkan menunjukkan nilai factor loading antara 0.525 hingga 0.712. Nilai ini menunjukkan bahawa item-item tersebut

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

mempunyai hubungan yang memuaskan dengan konstruk yang diukur dan sesuai digunakan dalam analisis seterusnya.

Jadual 7: Keputusan EFA dan Kebolehpercayaan Instrumen

Konstruk	Item	Faktor	Cronbach's Alpha
Persepsi	PS1	0.574	
	PS2	0.646	0.821*
	PS3	0.706	
Kefahaman	KF1	0.525	
	KF2	0.642	0.834*
	KF3	0.688	
Kepercayaan Institusi	KI1	0.601	
	KI2	0.655	0.857*
	KI3	0.712	
Penyertaan	PW1	0.589	
	PW2	0.634	0.846*
	PW3	0.701	
Keseluruhan Instrumen	-	-	**0.961**

Jadual 7 menunjukkan keputusan analisis kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Nilai factor loading bagi semua item berada antara 0.525 hingga 0.712, melebihi nilai minimum 0.50 yang disarankan oleh Hair et al. (2021). Keputusan ini menunjukkan bahawa semua item mempunyai hubungan yang memuaskan dengan konstruk yang diukur dan memenuhi kriteria kesahan konstruk. Dari aspek kebolehpercayaan, nilai Cronbach's Alpha bagi setiap konstruk melebihi nilai minimum 0.70, menunjukkan tahap konsistensi dalaman yang baik. Nilai Cronbach's Alpha keseluruhan instrumen adalah 0.961, yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi. Oleh itu, instrumen kajian ini dianggap mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang memuaskan untuk digunakan dalam analisis seterusnya.

Analisis Regresi

Analisis regresi dijalankan bagi menilai sejauh mana pemboleh ubah bebas (persepsi, kefahaman, dan kepercayaan institusi) mampu menjelaskan variasi dalam pemboleh ubah bersandar, iaitu penyertaan dalam wakaf keluarga.

Jadual 8. R^2 Regresi

Variable	R^2
Participation	0.643

Keputusan menunjukkan nilai R^2 adalah 0.643, yang bermaksud sebanyak 64.3% variasi dalam penyertaan dapat dijelaskan oleh pemboleh ubah dalam model kajian ini.
Nilai ini menunjukkan bahawa model yang dibangunkan mempunyai kuasa penjelasan yang kuat, kerana sebahagian besar perubahan dalam penyertaan dapat diterangkan oleh faktor persepsi, kefahaman, dan kepercayaan institusi.

Hal ini turut memberi implikasi bahawa pengukuhan tadbir urus institusi serta peningkatan kefahaman masyarakat merupakan faktor kritikal dalam memperkasa kemampanan penyertaan wakaf keluarga. Nilai R^2 ini menunjukkan bahawa model yang dibangunkan mempunyai kuasa penjelasan yang baik dalam konteks kajian sosial, di mana nilai melebihi 0.50 dianggap

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

memuaskan. Secara keseluruhannya, dapatan analisis menunjukkan bahawa data kajian adalah kukuh dari segi struktur, kebolehpercayaan, dan keupayaan model dalam menjelaskan penyertaan. Ini memberikan asas yang kuat untuk menguji hipotesis kajian dalam bahagian seterusnya.

Pengujian Hipotesis

Bagi menilai hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji, pengujian hipotesis telah dijalankan berdasarkan analisis regresi. Keputusan analisis menunjukkan bahawa persepsi, kefahaman dan kepercayaan institusi mempunyai pengaruh terhadap penyertaan dalam wakaf keluarga. Keputusan analisis menunjukkan bahawa kefahaman dan kepercayaan institusi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penyertaan dalam wakaf keluarga, manakala persepsi tidak menunjukkan pengaruh yang signifikan.

Jadual 9: Ringkasan Keputusan Pengujian Hipotesis

Hipotesis	Pernyataan Hipotesis	p-value	Keputusan
H1	Persepsi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penyertaan dalam wakaf keluarga.	0.149	Tidak Disokong
H2	Kefahaman mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penyertaan dalam wakaf keluarga.	< 0.001	Disokong
H3	Kepercayaan institusi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penyertaan dalam wakaf keluarga.	< 0.001	Disokong

Jadual 9 menunjukkan keputusan analisis regresi bagi menguji pengaruh persepsi, kefahaman dan kepercayaan institusi terhadap kesediaan masyarakat untuk menyertai wakaf keluarga di Malaysia. Hasil analisis mendapati bahawa persepsi tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan menyertai wakaf keluarga ($p = 0.149$). Oleh itu, H1 adalah tidak disokong. Walaupun persepsi menunjukkan hubungan positif dengan penyertaan wakaf keluarga, pengaruh tersebut tidak mencapai tahap signifikan statistik.

Dapatan ini menunjukkan bahawa persepsi semata-mata tidak mencukupi untuk mendorong penyertaan masyarakat dalam wakaf keluarga. Sebaliknya, penyertaan yang lebih tinggi memerlukan kefahaman yang lebih mendalam mengenai konsep, manfaat dan pelaksanaan wakaf keluarga. Sebaliknya, kefahaman didapati mempunyai pengaruh yang signifikan dan positif terhadap kesediaan menyertai wakaf keluarga ($p < 0.001$). Dapatan ini menunjukkan bahawa semakin tinggi tahap kefahaman masyarakat mengenai konsep dan pelaksanaan wakaf keluarga, semakin tinggi kesediaan mereka untuk terlibat dalam amalan tersebut. Oleh itu, H2 adalah disokong.

Selain itu, kepercayaan terhadap institusi wakaf turut mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan menyertai wakaf keluarga ($p < 0.001$). Dapatan ini menunjukkan bahawa keyakinan masyarakat terhadap ketelusan, integriti dan kecekapan institusi wakaf merupakan faktor penting yang mendorong penyertaan dalam wakaf keluarga. Oleh itu, H3 adalah disokong.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penyertaan dalam wakaf keluarga tidak berlaku secara rawak, tetapi dipengaruhi oleh beberapa faktor yang saling berkait dan bergerak secara tersusun. Struktur faktor yang jelas daripada analisis EFA menunjukkan bahawa responden memahami item-item yang dikemukakan dengan cara yang hampir seragam. Ini memberi gambaran bahawa konstruk seperti persepsi, kefahaman dan kepercayaan institusi adalah stabil dan relevan dalam konteks wakaf keluarga di Malaysia (Hair et al., 2021).

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa penyertaan dalam wakaf keluarga tidak hanya bergantung kepada faktor religiositi atau kesedaran agama semata-mata. Walaupun elemen tersebut penting, hasil kajian ini memberi isyarat bahawa faktor lain, terutamanya yang berkaitan dengan pengalaman, kefahaman dan keyakinan terhadap sistem, turut memainkan peranan yang besar. Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa tingkah laku penyertaan dalam kewangan sosial Islam dipengaruhi oleh gabungan faktor kognitif dan institusi, bukan hanya faktor normatif (Htay et al., 2020; Kamaruddin & Hanefah, 2021). Walaupun persepsi terhadap wakaf keluarga adalah positif, dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi tidak mempunyai pengaruh yang signifikan secara langsung terhadap penyertaan.

Walaupun persepsi menunjukkan hubungan positif dengan penyertaan, pengaruh tersebut tidak mencapai tahap signifikan statistik. Dapatan ini selari dengan kajian Mujahidah & Rusydiana (2023) yang mendapati bahawa persepsi positif memainkan peranan penting dalam membentuk kecenderungan individu terhadap penyertaan dalam instrumen kewangan sosial Islam. Ini juga selaras dengan Theory of Planned Behavior yang menekankan bahawa sikap atau persepsi memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku (Ajzen, 1991). Kefahaman didapati memainkan peranan penting dalam meningkatkan kecenderungan masyarakat untuk menyertai wakaf keluarga. Apabila individu memahami bagaimana wakaf keluarga berfungsi, termasuk dari segi pengurusan, manfaat jangka panjang dan perbezaannya dengan instrumen lain, mereka menjadi lebih yakin untuk membuat keputusan. Walaupun persepsi menunjukkan hubungan positif dengan penyertaan, pengaruh tersebut tidak mencapai tahap signifikan statistik, ia perlu disokong dengan kefahaman yang jelas sebelum membawa kepada penyertaan sebenar (Maulina et al., 2023).

Dapatan kajian mengesahkan bahawa kefahaman merupakan elemen penting dalam membentuk penyertaan masyarakat dalam wakaf keluarga. Kefahaman yang jelas mengenai konsep, manfaat dan mekanisme pelaksanaan wakaf keluarga dapat meningkatkan keyakinan individu untuk terlibat dalam instrumen tersebut. Oleh itu, usaha memperkukuh pendidikan dan literasi wakaf perlu diberi perhatian bagi meningkatkan kadar penyertaan masyarakat secara lebih menyeluruh. Dapatan ini menyokong kajian Kamaruddin dan Hanefah, 2021 serta Maulina et al. (2023) yang menegaskan bahawa tahap literasi dan kefahaman yang tinggi mampu meningkatkan penerimaan terhadap instrumen kewangan sosial Islam. Oleh itu, usaha memperkukuh pendidikan dan literasi wakaf keluarga perlu diberikan keutamaan sebagai strategi utama bagi meningkatkan penyertaan masyarakat.

Selain itu, dapatan kajian turut menonjolkan kepentingan kepercayaan terhadap institusi. Dalam konteks wakaf keluarga, individu bukan sahaja membuat keputusan berdasarkan kefahaman peribadi, tetapi juga berdasarkan sejauh mana mereka percaya bahawa institusi yang mengurus wakaf mampu menjalankan tanggungjawab dengan baik. Apabila tahap kepercayaan tinggi, terutamanya dari segi ketelusan, akauntabiliti dan kecekapan, individu lebih bersedia untuk

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

menyertai. Sebaliknya, kekurangan kepercayaan boleh menjadi penghalang walaupun seseorang mempunyai persepsi dan kefahaman yang baik. Dapatan ini menyokong pandangan bahawa tadbir urus yang baik memainkan peranan penting dalam meningkatkan penyertaan masyarakat (Ab Rahman et al., 2024; Kamaruddin & Hanefah, 2021).

Dalam konteks ini, kajian ini memperluaskan kerangka Theory of Planned Behavior dengan memasukkan dimensi tadbir urus institusi sebagai faktor kritikal dalam menjelaskan kemampanan penyertaan dalam kewangan sosial Islam. Dalam konteks ini, kajian ini memperluaskan kerangka Theory of Planned Behavior dengan memasukkan dimensi tadbir urus institusi sebagai faktor kritikal dalam menjelaskan kemampanan penyertaan dalam kewangan sosial Islam. Di samping itu, dapatan kajian turut menyokong Teori Kepercayaan Institusi yang menekankan bahawa legitimasi, ketelusan dan akauntabiliti organisasi merupakan elemen penting dalam membentuk keyakinan masyarakat terhadap sesuatu institusi (Suchman, 1995).

Dari sudut praktikal, dapatan kajian ini membawa implikasi penting kepada institusi wakaf dan pembuat dasar. Usaha untuk meningkatkan penyertaan masyarakat tidak boleh hanya tertumpu kepada kempen kesedaran atau pendekatan berasaskan nilai semata-mata, tetapi perlu disokong dengan penambahbaikan dalam aspek pengalaman pengguna (user experience) dan tadbir urus institusi. Ini termasuk meningkatkan ketelusan digital, memperkukuh pelaporan impak secara berkala serta menyediakan akses maklumat yang lebih terbuka dan mudah dicapai oleh masyarakat.

Selain itu, institusi wakaf seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta agensi berkaitan perlu memperluaskan program literasi wakaf keluarga melalui pendekatan pendidikan yang lebih sistematik dan berterusan. Penggunaan platform digital dan teknologi komunikasi juga perlu diperkasakan bagi meningkatkan kefahaman masyarakat, di samping memperkukuh ketelusan dan akauntabiliti institusi wakaf dalam jangka panjang. Sehubungan itu, pendekatan pembangunan wakaf perlu beralih daripada kerangka normatif kepada pendekatan yang lebih sistematik, berasaskan bukti empirikal dan berorientasikan pengguna bagi memastikan kemampanan penyertaan wakaf keluarga dalam jangka panjang.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa penyertaan dalam wakaf keluarga bukanlah satu keputusan yang berlaku secara spontan, tetapi dipengaruhi oleh beberapa faktor utama yang dikenal pasti dalam kajian ini. Secara khusus, persepsi, kefahaman dan kepercayaan terhadap institusi dikenal pasti sebagai elemen penting yang membentuk kecenderungan individu untuk terlibat dalam wakaf keluarga.

Kajian mendapati bahawa kefahaman dan kepercayaan institusi merupakan faktor yang signifikan dalam mempengaruhi penyertaan wakaf keluarga, manakala persepsi tidak menunjukkan pengaruh yang signifikan. Dalam masa yang sama, kepercayaan terhadap institusi yang mengurus wakaf turut memberi kesan langsung terhadap keputusan penyertaan, sekali gus menunjukkan bahawa faktor institusi tidak boleh diabaikan. Kajian ini mendapati bahawa kefahaman memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penyertaan wakaf keluarga, sekali gus menegaskan kepentingan literasi dan pendidikan wakaf dalam kalangan masyarakat.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa usaha untuk meningkatkan penyertaan dalam wakaf keluarga tidak boleh hanya tertumpu kepada aspek kesedaran atau seruan moral semata-mata. Sebaliknya, pendekatan yang lebih menyeluruh perlu diambil, termasuk memperkukuh kefahaman masyarakat melalui pendidikan yang lebih sistematik, memperluaskan akses kepada maklumat berkaitan wakaf keluarga, serta meningkatkan kepercayaan terhadap institusi melalui amalan tadbir urus yang telus, cekap dan profesional.

Secara ringkasnya, kajian ini menegaskan bahawa penyertaan dalam wakaf keluarga dipengaruhi oleh faktor individu dan institusi yang dikenal pasti dalam kajian ini. Pendekatan ini bukan sahaja memberi perspektif baharu dalam memahami tingkah laku penyertaan, malah mencadangkan keperluan untuk mengalihkan fokus daripada pendekatan berasaskan moral semata-mata kepada kerangka tadbir urus yang lebih sistematik dan berorientasikan kelestarian dalam usaha memperkukuh penyertaan masyarakat. Kajian ini secara jelas memperluaskan perbincangan literatur dengan menunjukkan bahawa kemampanan penyertaan wakaf keluarga bukan hanya bergantung kepada faktor religiositi, tetapi turut dipengaruhi oleh tahap kefahaman dan keyakinan terhadap institusi yang menguruskan wakaf.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan yang perlu diberi perhatian. Pertama, kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling), yang mungkin mengehadkan generalisasi dapatan kepada keseluruhan populasi masyarakat Muslim di Malaysia. Kedua, kajian ini menggunakan pendekatan keratan rentas (cross-sectional), yang hanya menggambarkan keadaan responden pada satu tempoh masa tertentu dan tidak dapat menjelaskan perubahan tingkah laku penyertaan secara longitudinal. Ketiga, kajian ini hanya memfokuskan kepada tiga faktor utama iaitu persepsi, kefahaman dan kepercayaan institusi, sedangkan masih terdapat faktor lain seperti religiositi, pengaruh sosial, pengalaman berwakaf dan faktor demografi yang berpotensi mempengaruhi penyertaan dalam wakaf keluarga. Selain itu, semakan kandungan instrumen dilaksanakan secara kualitatif tanpa pengiraan CVI atau CVR. Praujian pula hanya melibatkan dua orang peserta untuk menilai kejelasan item dan arahan, tanpa penilaian kebolehpercayaan secara statistik. Oleh itu, pengesahan instrumen wajar diperkukuh dalam kajian lanjutan.

Sehubungan itu, kajian masa hadapan disarankan untuk melibatkan sampel yang lebih besar dan lebih pelbagai bagi meningkatkan kebolehgunaan dapatan. Selain itu, kajian lanjutan boleh menggunakan pendekatan Structural Equation Modeling (SEM) bagi menguji hubungan yang lebih kompleks antara pemboleh ubah. Kajian perbandingan antara negeri atau antara negara seperti Malaysia dan Indonesia juga wajar diterokai bagi mengenal pasti perbezaan faktor yang mempengaruhi penyertaan dalam wakaf keluarga. Di samping itu, penyelidikan akan datang boleh meneliti peranan teknologi digital, literasi kewangan Islam dan inovasi tadbir urus dalam memperkukuh penyertaan masyarakat terhadap wakaf keluarga secara lebih mampan.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pengembangan literatur wakaf keluarga dengan membuktikan bahawa faktor persepsi, kefahaman dan kepercayaan institusi memainkan peranan penting dalam membentuk penyertaan masyarakat. Dapatan ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada institusi wakaf, pembuat dasar dan penyelidik dalam merangka strategi yang lebih berkesan bagi memperkukuh pembangunan wakaf keluarga di Malaysia.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) atas pembiayaan penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dengan Kod Rujukan Penaja: FRGS-EC/1/2024/SSI03/UITM/02/14. Penghargaan turut diberikan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (Research Management Centre, RMC), Universiti Teknologi MARA (UiTM) atas sokongan dan bantuan yang diberikan bagi pelaksanaan projek penyelidikan bertajuk "Faktor Penentu Penyertaan Wakaf Keluarga di Malaysia: Peranan Persepsi, Kefahaman dan Kepercayaan Institusi", dengan Kod Penyelidikan: FRGS-600-RMC/FRGS-EC/5/3 (005/2024). Sokongan yang diberikan telah menyumbang secara signifikan kepada kejayaan pelaksanaan dan penyempurnaan kajian ini.

Rujukan

Ab Rahman, M. F., Abdullah Thaidi, H. A., Mohamad Suhaimi, F., & Ab Rahim, S. F. (2024). Proposed temporary waqf model for family waqf implementation in Malaysia. Journal of Islamic Accounting and Business Research, 15(1), 56–78. https://doi.org/10.1108/JIABR-04-2022-0098

Ahmad Sanusi, S. W. S., Yaacob, S. E., & Md Salleh, M. F. (2025). Zurri waqf in Malaysia: Navigating implementation and accounting practices. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies, 34*(7). https://doi.org/10.64757/alqanatir.2025.3407/1045

Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. Organizational Behavior and Human Decision Processes, 50(2), 179–211. https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T

Bernama. (2024, July 23). Pelan Induk Wakaf Nasional dilancar tahun hadapan.

Creswell, J. W. (2014). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approach (4th ed.). Sage Publications.

Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2021). Multivariate data analysis (8th ed.). Cengage Learning.

Htay, S. N. N., Al-Jabri, I. M., & Ahmed, H. (2020). Intention to participate in waqf: The role of religiosity and attitude. Journal of Islamic Marketing, 11(5), 1233–1251. https://doi.org/10.1108/JIMA-05-2019-0100

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. (2024). Dasar wakaf. https://www.jawhar.gov.my/wakaf/dasar-wakaf/

Kaiser, H. F. (1974). An index of factorial simplicity. *Psychometrika, 39*(1), 31–36. https://doi.org/10.1007/BF02291575

Kamaruddin, M. I. H., & Hanefah, M. M. (2021). An empirical investigation on waqf governance practices in waqf institutions in Malaysia. Journal of Financial Reporting and Accounting, 19(3), 455–473. https://doi.org/10.1108/JFRA-03-2020-0055

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. Educational and Psychological Measurement, 30(3), 607–610. https://doi.org/10.1177/001316447003000308

Likert, R. (1932). A technique for the measurement of attitudes. Archives of Psychology, 140, 1–55.

Maulina, R., Dhewanto, W., & Faturohman, T. (2023). The integration of Islamic social and commercial finance (IISCF): Systematic literature review, bibliometric analysis, conceptual framework, and future research opportunities. Heliyon, 9(11), e21612. https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2023.e21612

Mujahidah, A. S., & Rusydiana, A. S. (2023). Perceptions of Indonesian Muslim Youth on Factors Influencing Their Intention to Perform Cash Waqf. International Journal of Islamic Economics and Finance (IJIEF), 6(1), 53–72. https://doi.org/10.18196/ijief.v6i1.13964

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 87 Special Issue [October, 2026] pp 698 - 720
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118747

Nunnally, J. C. (1978). Psychometric theory (2nd ed.). McGraw-Hill.

Qurrata, V. A., Rusydiana, A. S., Ascarya, A., & Yumanita, D. (2024). Waqf Sustainability or Sustainable Waqf? A Bibliometric Review. Millah: Journal of Religious Studies, 24(1), 1–32. https://doi.org/10.20885/millah.vol24.iss1.art1

Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). Research Methods for Business: A Skill-Building Approach (7th ed.). Wiley.

Shaikh, S. A., Ismail, A. G., & Shafiai, M. H. M. (2022). *Islamic social finance and economic development: The role of zakat and waqf*. Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics, 35(2), 45–60. https://doi.org/10.4197/Islec.35-2.4

Suchman, M. C. (1995). Managing legitimacy: Strategic and institutional approaches. Academy of Management Review, 20(3), 571–610. https://doi.org/10.5465/amr.1995.9508080331

Yayasan Waqaf Malaysia. (2024, February 26). Kunjungan hormat Pelan Induk Wakaf Nasional 2025–2030 dan lawatan kerja ke Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. https://www.ywm.gov.my/aktiviti/785

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0